

Pelita Bahasa

ڦلڦتا بهاس

WADAH KESEMPURNAAN BAHASA

SEMANJUNG MALAYSIA: RM8.00 • SABAH/SARAWAK: RM8.50
• BRUNEI DARUSSALAM: B\$8.50 • SINGAPURA: S\$8.50
• BIL. 12/2025

KBAT

**Merangsang Kemahiran Pelajar
Berbahasa Melayu**

 **MALAYSIA
MADANI**

 **Jendela DBP**

 **Pelita Bahasa DBP**

[ujana/pelita-bahasa](#)

[#MalaysiaMembaca](#)

KK 499-90837-1225
ISSN 0128-2182



12

9 770128 218182



Menyingkap Nilai Peribahasa Melayu *dalam Denyut Kehidupan Kontemporari*

Peribahasa bukan sekadar tinggalan sejarah semata-mata, tetapi sebaliknya merupakan inti pati kearifan dan kecerdikan pemikiran orang Melayu melihat alam di sebalik falsafah dan budaya.

Peribahasa merupakan kod etika dan kebijaksanaan yang amat relevan dalam membentuk acuan pemikiran dan tingkah laku sosial. Setiap kiasan, bidalan, perumpamaan, tamsil dan ibarat dengan melihat alam, tersembunyi kebijaksanaan akal budi yang perlu terus digali dan difahami oleh generasi baharu. Kini, adakah masih aktif peribahasa digunakan dalam kehidupan masyarakat. Empat (4) nilai utama, iaitu kebudayaan, kesantunan, keindahan dan kekreatifan digunakan untuk melihat akal budi Melayu bagi membuktikan kegeniusan pemikiran Melayu melingkari dimensi kehidupan, daripada adat resam sehinggalah kepada estetika bahasa. Sila teliti peribahasa dalam Jadual 1.

Tiang Seri Budaya yang Mengikat Masyarakat

Kebudayaan menurut *Kamus Dewan Perdana* (2021) ialah kata nama yang merujuk keseluruhan cara hidup yang dikongsi bersama-sama oleh sesuatu masyarakat yang merangkumi cara berfikir, berkelakuan dan bertindak, serta segala hasil kegiatan dan ciptaan yang berbentuk kebendaan atau kerohanian, yang diwarisi daripada satu generasi kepada generasi lain melalui proses pembelajaran.

Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 menetapkan hala tuju untuk menjadikan Malaysia sebagai "Negara Maju Rakyat Berbudaya" berdasarkan pendekatan budaya nilai tinggi yang ditunjangi tiga (3) elemen utama, iaitu tatasusila, tatacara dan tahap keintelektualan serta amalan nilai-nilai murni. Dasar ini digubal sebagai punca



Jadual 1 Senarai Peribahasa Melayu Berdasarkan Aspek Akal Budi

Nilai Akal Budi	Bil.	Peribahasa Melayu
Kebudayaan	1.	Tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas.
	2.	Biar mati anak, jangan mati adat.
	3.	Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
Kesantunan	1.	Kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan.
	2.	Bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat.
	3.	Putih tulang dikandung tanah, budi baik dikenang juga.
Keindahan	1.	Bunga tengah kembang di taman, baunya merebak ke mana-mana.
	2.	Serupa bulan penuh.
	3.	Yang merah saga, yang kurik kundi; yang indah bahasa, yang baik budi.
Kekreatifan	1.	Melentur biarlah waktu rebung.
	2.	Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.
	3.	Baik membawa resmi padi daripada membawa resmi lalang.

kuasa dan rujukan kepada hal ehwal seni, budaya dan warisan. Dasar ini juga memberikan penekanan kepada usaha pengukuhan jati diri dan pembinaan negara bangsa.

Peribahasa merupakan medium utama penyebaran nilai budaya ini. Contohnya, peribahasa ***Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*** dan ***Biar mati anak, jangan mati adat*** menggambarkan keutuhan dan keteguhan adat resam Melayu yang tetap subur biarpun berdepan dengan arus perubahan zaman. Peribahasa ini mencitrakan nilai budaya masyarakat Melayu kini yang mengekalkan adat dan warisan walaupun berdepan dengan arus pemodenan. Adat perkahwinan, khususnya bertandang dan bersanding masih terus dipelihara dengan peluasan makna yang bersifat semasa. Budaya seperti merisik, bertunang, berinai dan menepung tawar masih diamalkan hingga kini. Setiap adat ini bukan

sekadar ritual sosial, tetapi sarat dengan makna simbolik. Merisik melambangkan nilai kesopanan dalam mendekati keluarga pihak perempuan, manakala berinai pula menandakan kesucian dan kehalusan budi seorang gadis, dan menepung tawar memberikan doa restu serta harapan agar rumah tangga yang dibina kekal bahagia dan diberkati.

Inilah nilai yang diwariskan daripada satu generasi kepada generasi lain dan bukan sekadar untuk dikenang, tetapi menjadi pedoman dan penyuluh identiti bangsa bagi memastikan jati diri Melayu kekal kukuh dalam arus globalisasi yang kian mencabar. Kepentingan memelihara adat, iaitu kepatuhan terhadap undang-undang, nilai, dan norma masyarakat serta identiti sesuatu bangsa merupakan kewajiban kita bersama demi menjaga keharmonian dan kesejahteraan masyarakat. Dalam konteks ini, adat berperanan sebagai panduan moral dan tatakelola sosial yang mengatur hubungan antara individu, keluarga, dan komuniti, termasuk dalam aspek hierarki agama dan pemerintahan negeri. Oleh itu, peribahasa ini mencerminkan kebijaksanaan masyarakat Melayu yang menilai sesuatu berdasarkan keseimbangan antara emosi dengan rasional, sekali gus menunjukkan ketegasan akal budi dalam mempertahankan struktur perundangan dan maruah sosial bangsa.

Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung menggarisi prinsip asas etika adaptasi sosial yang amat penting dalam kehidupan bermasyarakat. Sebagai masyarakat kita hendaklah sentiasa menghormati dan menghargai adat serta budaya setempat, terutama apabila seseorang berpindah atau berinteraksi dalam lingkungan sosial yang pelbagai merentas kaum dan budaya. Menghormati adat tempatan bukan sahaja menunjukkan sikap bertimbang rasa dan hormat terhadap komuniti, tetapi juga merupakan satu keperluan untuk memastikan keharmonian dan perpaduan dalam

Kepentingan memelihara adat, iaitu kepatuhan terhadap undang-undang, nilai, dan norma masyarakat serta identiti sesuatu bangsa merupakan kewajiban kita bersama demi menjaga keharmonian dan kesejahteraan masyarakat.



05 BINGKISAN EDITOR

06 SARI BAHASA

- Skor yang Cemerlang dalam Bahasa Melayu
- KUN JIA JIE

11 KOMENTAR

- KBAT: Merangsang Kemahiran Pelajar Berbahasa Melayu
- NORFAIZAH ABDUL JOBAR

15 SOAL JAWAB BAHASA

- Apakah Pola bagi Ayat yang Berikut?
- SUPIAN MOHAMAD NOOR

18 CEMERLANG PELAJAR

- Teknik dan Tip Memahami Petikan
- JOHN CHAM

22 CAKNA BAHASA

- Menyingkap Nilai Peribahasa Melayu dalam Denyut Kehidupan Kontemporari
- JULAINA NOPIAH

26 TENTANG BAHASA

- 'Palau' dan 'Pulau'
- RIDZUAN KAMIS

28 BUCU KATA

- Hikmah dan Ibrah
- SYAZA SORAYA SAULI

30 GELI BAHASA

- ZAHIRRUDIN DAUD

31 PERIBAHASA

32 ARKIB BAHASA

33 CERPEN

- Senandung Malam yang Hilang
- NURUL IZAHANIS MOHAMMAD SHARIFUDDIN

38 PENGAJARAN BAHASA

- Kata Dasar dalam Pembentukan Kata
- FIRSYA UMAIRA OTHMAN

43 TERAMPIL BAHASA

- Mendidik Bahasa yang Sopan
- AMINUDIN MANSOR

47 WARISAN BAHASA

- Estetika Talibun dalam Susastera Melayu
- AZURA HALID

52 BIJAK BAHASA

- MUHAMMAD HAZIQ NOOR AFFANDI

54 SIMFONI BAHASA

- Gurindam Indahny Peribahasa
- EIZA NASHWA
- Syair Fakir
- GHAZALI LATEH
- Kerana Aku Mencintaimu
- BUNG ADI

tunjuk dan ajar dalam mendidik anak-anak sejak usia muda. Kasih sayang, sabar, dan disiplin yang baik akan membentuk generasi madani yang berwibawa dan terdidik dengan berbudi pekerti serta mampu menghadapi cabaran hidup dengan tabah.

Analogi yang digunakan dalam peribahasa ini sangat sesuai dengan sifat rebung yang masih lembut dan mudah dibentuk berbanding dengan buluh yang sudah matang dan keras. Dalam konteks perkembangan psikologi, peribahasa ini sangat relevan kerana pada fasa ini kanak-kanak berada dalam ruang tempoh yang paling kritikal. Mereka mudah menerima pengaruh daripada persekitaran dan pendidikan. Sekiranya nilai, sikap, dan tabiat yang baik berjaya ditanamkan, kesan positifnya akan terbentuk dan kekal sehingga dewasa. Sebaliknya, jika diberikan pada peringkat dewasa, proses pembetulan akan menjadi lebih sukar dan memerlukan masa yang lebih lama kerana pada fasa ini sifat seseorang sukar diubah.

Seterusnya, peribahasa **Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama** menunjukkan daya imaginasi yang sangat tinggi dan mendalam dalam budaya dan pemikiran masyarakat. Peribahasa ini menggunakan imej harimau yang terkenal dengan belangnya yang unik sebagai simbol tanda fizikal yang kekal walaupun haiwan itu telah tiada. Begitu juga dengan manusia, walaupun nyawa dan jasad terpisah, legasi dan nama baik yang ditinggalkan akan terus dikenang dan memberikan kesan kepada generasi akan datang. Keampuan nilai pada peribahasa ini menyuntik kesedaran kepada setiap individu bahawa kehidupan bukan sekadar tentang apa-apa terpancar, tetapi lebih kepada bagaimana seseorang itu dilihat menerusi amal, jasa dan budi. Pesanan mesra menerusi peribahasa ini mengajak seseorang untuk sentiasa berusaha membina reputasi yang baik dan meninggalkan legasi yang bermakna, sama ada melalui sifat baik, jasa, atau sumbangan kepada masyarakat yang merujuk "nama" sebagai gambaran keseluruhan nilai dan pengaruh seseorang dalam kehidupan. Oleh itu, peribahasa ini menjadi ingatan penting agar setiap perbuatan kita bernilai dan memberikan manfaat bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi juga untuk orang lain dan masyarakat secara keseluruhan.

Begitulah juga peribahasa **Baik membawa resmi padi daripada membawa resmi lalang** mengandungi nasihat yang sangat bermakna tentang sikap dan nilai diri. Padi yang selalu menunduk rendah apabila sudah berisi, melambangkan seseorang yang memiliki ilmu dan kebijaksanaan, tetapi tetap bersikap rendah hati. Sikap ini menunjukkan bahawa apabila seseorang telah mencapai tahap

kepakaran atau memiliki pengetahuan, elakkan meninggi diri atau menunjuk-nunjuk, sebaliknya mereka perlu menjelmakan kesopanan dengan keikhlasan sebagai rahsia Tuhan. Sifat lalang yang mendongak pula melambangkan sikap sombong dan angkuh. Tidak membawa sebarang faedah sering dijadikan perbandingan kepada padi yang sentiasa tunduk meskipun memiliki banyak kelebihan. Melalui perbandingan anatomi fizikal padi dan lalang, peribahasa ini mengingatkan kita bahawa kebijaksanaan sejati bukan sahaja diukur melalui ilmu dan kepandaian semata-mata, tetapi juga melalui sikap rendah hati dan kesediaan untuk belajar daripada orang lain. Sikap merendah diri merupakan kunci untuk terus berkembang dan diterima baik dalam masyarakat. Dengan mempraktikkan "resmi padi", seseorang akan lebih dihormati dan dihargai, manakala mereka yang mengamalkan "resmi lalang" mungkin akan kehilangan kepercayaan dan sokongan daripada orang lain. Oleh itu, peribahasa ini bukan sahaja nasihat tentang sikap individu, tetapi juga panduan sosial agar kita sentiasa menjaga hubungan harmoni dan saling menghormati dalam kehidupan bermasyarakat.

Kelegitan Nilai Budaya Melayu

Peribahasa Melayu merupakan kelegitan nilai seni bahasa yang menjadi warisan daripada kegeniusan, kecerdikan dan kebijaksanaan pemikiran. Peribahasa bukan sahaja sebagai alat komunikasi lisan, tetapi sebagai kapsul masa yang menyimpan falsafah hidup yang ideal merangkumi tiga dimensi utama dalam membentuk masyarakat yang ideal, iaitu beradab (nilai etika dan moral), bersatu (nilai sosial dan perpaduan), dan berilmu (nilai intelektual dan pendidikan). Dalam arus globalisasi dan ledakan teknologi maklumat, nilai-nilai yang terkandung dalam peribahasa ini menjadi semakin penting sebagai penawar kepada krisis identiti dan etika sosial. Peribahasa menjadi perisai budaya yang membolehkan masyarakat Melayu berhadapan dengan kemodenan tanpa melunturkan jati diri. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab bersama untuk kita menghayati, mempraktikkan dan menyebarkan semula kekayaan akal budi ini. Dengan menghidupkan semula peribahasa, kita bukan sahaja memelihara bahasa, tetapi kita sedang melabur dalam pembinaan masyarakat yang lebih beretika, harmoni, dan berpandangan jauh. Peribahasa Melayu merupakan permata yang tidak ternilai, dan kekal menjadi jantung yang berdetik dalam identiti kebangsaan kita. **Pb**

masyarakat berbilang kaum. Sebagai contoh, seseorang yang berkunjung atau menetap di Sarawak perlu memahami dan menghormati pantang larang serta adat unik masyarakat Iban, termasuklah cara mereka menjalankan upacara tradisional atau cara berkomunikasi dalam situasi tertentu. Sikap ini bukan sahaja memupuk persefahaman antara budaya, malah mengukuhkan ikatan sosial yang mampu menjamin kestabilan dan keamanan dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Kesantunan Seni Bertutur dan Etika Insan

Kesantunan merupakan aspek kedua yang menonjolkan kehebatan akal budi Melayu menerusi tutur bicara yang sopan dengan menggunakan peribahasa. **Kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan** merupakan ungkapan terima kasih yang sangat halus. Alat tradisional, iaitu "nyiru" yang digunakan untuk menampi beras, dijadikan simbolik bagi menerima bantuan yang besar dan bermakna, walaupun budi yang diberikan itu pada zahirnya sekecil tapak tangan. Inilah pernyataan rasa sebagai penghargaan kerana terhutang budi dengan ikhlas dan rendah hati terhadap bantuan yang diterima. Sikap menghargai jasa dan budi menjadi sesuatu yang sangat dijunjung tinggi dalam budaya Melayu.

Bulat air kerana pemetung, bulat kata kerana muafakat pula membuktikan betapa pentingnya kesantunan dan kerjasama sebagai asas perpaduan dalam masyarakat. Nilai perpaduan digambarkan dalam peribahasa ini merupakan refleksi alam, iaitu air yang mengikut atau mengisi ruang pemetung yang melambangkan penyatuan menerusi kesepakatan demi mencapai muafakat yang sempurna dan harmoni. Kesatuan ini tidak berlaku secara kebetulan, sebaliknya merupakan hasil daripada sikap saling menghormati, bertolak ansur, serta sentiasa berusaha mencapai persefahaman bersama. Oleh itu, muafakat bukan sahaja memupuk perpaduan malah membina keutuhan dalam komuniti demi kesejahteraan hidup bermasyarakat.

Putih tulang dikandung tanah, budi baik dikenang juga begitu akrab dan popular dalam masyarakat. Ungkapan ini merujuk kematian dan pengakhiran kehidupan manusia dengan mesej yang sangat positif dan bermakna, iaitu warisan terbaik yang dapat ditinggalkan oleh seseorang bukanlah harta benda atau kekayaan, tetapi budi pekerti mulia dan amalan baik yang sentiasa dikenang oleh generasi akan datang. Ungkapan ini juga mengingatkan kepada seseorang bahawa kebaikan yang dilakukan akan menjadi warisan abadi yang tidak lekang dek waktu.

Keindahan Bahasa sebagai Cerminan Jiwa

Keindahan bahasa dalam peribahasa Melayu mempunyai kuasa untuk mempengaruhi jiwa pendengar. Binaan kiasan yang lunak didengar tanpa menimbulkan konflik menggambarkan nilai susastera sebagai cerminan jiwa. Peribahasa **Bunga tengah kembang di taman, baunya merebak ke mana-mana** merupakan contoh bagaimana keharuman bunga dikaitkan dengan kecantikan wanita sebagai nilai yang menyenangkan kepada persekitaran. Objek alam yang digunakan dalam peribahasa ini menyampaikan mesej moral yang mendalam dengan cara yang indah dan berkesan. Nama yang baik, berakhlak mulia dengan budi bahasa yang sopan harus dijunjung dan dikenang serta dihormati oleh masyarakat. Kecantikan fizikal tidak lengkap tanpa keindahan hati dan perilaku yang luhur bagi menjelmakan keunggulan seseorang.

Serupa bulan penuh juga menggunakan alam, iaitu bulan purnama sebagai simbol kecantikan yang sempurna dan kebahagiaan yang utuh. Kekaguman dan keindahan akan bulan purnama, iaitu simbol kosmik dipadankan sebagai cerminan jiwa. Seseorang yang dipuji itu bukan sahaja memiliki kecantikan luaran yang menawan, tetapi juga memiliki keistimewaan sehingga membangkitkan rasa kagum dan kebahagiaan sesiapa sahaja yang memandangnya.

Yang merah saga, yang kurik kundi; yang indah bahasa, yang baik budi merupakan integrasi estetika fizikal dengan etika rohani secara harmoni dan mendalam. Perbandingan antara warna merah saga dengan corak kurik kundi bertemu dengan titik tafsiran hubungan ideal antara penampilan dengan perangai seseorang. Kehalusan tutur kata harus selari dengan tingkah laku dan akhlak yang mulia. Bicara yang sopan, bahasa yang indah dan baik budi pekerti merupakan elemen yang saling melengkapi, sama seperti saga dan kundi. Peringkat pentingnya menanamkan nilai yang baik dalam kehidupan merupakan faktor utama dalam membina hubungan yang harmoni dan beradab.

Kekreatifan dalam Menterjemah Falsafah Hidup

Kreatif serta kecerdikan menterjemah sesuatu merupakan paparan keupayaan luar biasa orang Melayu dalam mentafsir prinsip hidup yang kompleks melalui pemerhatian alam. Peribahasa **Melentur biarlah waktu rebung** terkandung tentang